



Tingkah Laku Buli Dalam Kalangan Pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman

Rosmawati Dahaman¹, Nur Shakila Rosli², Nur Sabrina Nordin³,

^{1,2}Kolej Komuniti Bandar Darulaman

³Universiti Utara Malaysia

¹rosmawati@staf.kkbda.edu.my, ²nur.shakila@staf.kkbda.edu.my,

³nur_sabrina_nordin2@sapsp.uum.edu.my

Abstrak: Tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan pelajar sangat membimbangkan. Ramai pelajar yang menjadi mangsa buli sehingga mendorong kepada berlakunya kematian. Tujuan kajian ini dilakukan adalah untuk mengkaji jenis buli yang berlaku dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Seramai 59 orang pelajar yang terlibat bagi menjayakan kajian ini. Sampel yang terlibat adalah pelajar daripada Sijil Komputer dan Rangkaian. Pengkaji menggunakan Krejcie dan Morgan untuk mendapatkan jumlah sampel yang diperlukan kajian. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan persampelan rawak mudah. Pengkaji menggunakan instrumen *Adolescent Peer Relation Instrument* (APRI) untuk mengenalpasti tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan pelajar. Soal selidik diedarkan melalui *google form* secara dalam talian kepada sampel yang terlibat. Bagi menganalisis data, pengkaji menggunakan perisian *Statistic Package for Social Science* (SPSS) versi 28. Statistik deskriptif iaitu kekerapan dan peratusan digunakan untuk menentukan semester dan jantina responden. Analisis ANOVA pula digunakan untuk melihat perbezaan di antara jenis tingkah laku buli dan semester pengajian responden dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Hasil dapatan kajian mendapat bahawa terdapat tiga jenis buli yang berlaku dalam kalangan pelajar iaitu buli fizikal, buli lisan dan buli sosial. Sisihan piawai bagi ketiga-ketiga jenis tingkah laku buli adalah rendah iaitu 2.0 bagi buli fizikal, buli lisan 5.4 manakala bagi buli sosial pula adalah 4.2. Pengkaji juga mendapat bahawa tidak terdapat perbezaan antara tingkah laku buli fizikal, buli lisan dan buli sosial yang berlaku dalam kalangan pelajar dengan semester pengajian responden.

Kata kunci: *buli fizikal, buli lisan, buli sosial, Adolescent Peer Relation Instrument (APRI), pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman*

1.0 PENGENALAN

Institusi merupakan sebuah tempat untuk mendidik remaja supaya menjadi insan yang memberi manfaat kepada negara. Remaja kini ibarat sumber yang akan mencorakkan masa hadapan. Institusi bukan sahaja tempat untuk belajar tentang akademik dan kemahiran namun merupakan sebuah tempat untuk mendidik dan membangunkan jati diri dalam kalangan pelajar. Namun begitu, apa yang berlaku kini adalah gelaja buli yang sering mendapat perhatian. Isu dan gejala buli ini semakin teruk tidak kira di sekolah rendah atau di sekolah menengah iaitu menurut Azizi & rakan-rakan (2008). Oleh itu, semua pihak perlu bekerjasama untuk menggalas tanggungjawab dalam mengatasi gejala ini.



Antara masalah tingkah laku yang sering berlaku dalam kalangan pelajar adalah masalah buli dan percaduhan. Isu buli ini bukan satu budaya dalam negara ini. Kajian mengenai buli ini sebenarnya telah dijalankan oleh Olweus bermula sejak akhir tahun 1970-an. Buli bermaksud satu tingkah laku agresif yang dilakukan oleh seorang pelajar kepada pelajar yang lain secara fizikal maupun mental pada satu jangka masa tertentu.

Bagi tahun 2022, sebanyak 122 kes buli yang telah disabitkan kesalahan daripada awal Januari sehingga Julai namun hanya 50 kes sahaja yang dicatat sepanjang tahun lepas. Masalah buli ini perlu dibendung daripada awal kerana ia boleh menjadi salah satu masalah besar kepada negara kelak. Walaupun dengan kehadiran undang-undang dan peraturan yang dilaksanakan oleh pihak sekolah, namun isu buli ini masih berlaku dan meningkat dari tahun ke tahun. Pada asasnya perlakuan buli adalah sejenis tingkah laku penyalahgunaan kuasa. Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi Keempat yang dilayari secara talian pada 26 Julai 2022, buli didefinisi sebagai satu perbuatan mendera, mempermaining seseorang supaya dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran yang baru. Buli juga bermaksud mempermaining orang yang lemah dengan tujuan untuk menggertak, mencederakan, menakutkan dan sebagainya.

Kadang kala pelajar tidak sedar akan perbuatannya yang merupakan tingkah laku buli. Kemungkinan adalah kerana persekitaran mereka menganggap perbuatan seperti bertanya soalan yang tidak patut, mengganggu rakan, mengabaikan seseorang, berbohong kepada rakan dan sebagainya adalah satu perbuatan yang biasa atau tidak salah. Justeru pelajar tidak menyadari bahawa perbuatan mereka telah dianggap sebagai buli.

Kajian ini dilakukan untuk mengenalpasti jenis tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan pelajar perlu diambil tindakan lanjut bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku seperti kecederaan fizikal yang serius dan kematian. Dalam masa yang sama, ia dapat membuka mata ibu bapa dan pihak institusi untuk lebih memberi perhatian dan sokongan kepada pelajar yang memerlukan.



DEFINISI TINGKAH LAKU BULI FIZIKAL, TINGKAH LAKU BULI SOSIAL DAN TINGKAH LAKU BULI LISAN

1.1 Tingkah laku buli fizikal

Terdapat dua jenis bentuk tingkah laku buli iaitu buli secara fizikal dan buli secara psikologi. Menurut Olweus (1993) terdapat tiga jenis tingkah laku buli iaitu fizikal, verbal dan antisosial. Contoh tingkah laku secara fizikal adalah menendang dan menumbuk. Jenis tingkah laku buli dalam kajian ini adalah sama seperti mana yang didefinikan oleh Olweus (1993) yang menjelaskan bahawa tingkah laku buli fizikal adalah seperti memukul, menendang serta mengambil hak milik orang lain tanpa izin. Tingkah laku buli secara fizikal bermaksud seorang individu yang lebih kuat melakukan kekerasan secara berulang dengan sengaja. Contoh tingkah laku buli secara fizikal adalah memukul, memijak dan menampar seseorang. Kesemua perbuatan ini menunjukkan tingkah laku yang menggunakan kekerasan.

1.2 Tingkah laku buli Sosial

Tingkah laku buli secara sosial pula adalah seperti memperlekehkan keluarga, memfitnah serta menjadikan orang lain sebagai bahan ejekan. Tingkah laku buli sosial juga adalah dengan memulau, memfitnah dan merosakkan harta benda mangsa. Tingkah laku buli sosial berlaku apabila individu menjarakkan diri dengan individu lain dengan niat tidak berkawan dan pulaukan mangsa sehingga mangsa berasa tersisih.

1.3 Tingkah laku buli lisan

Tingkah laku buli lisan adalah dengan cara mengejek, mengusik serta menghina seseorang. Bagi buli secara verbal pula adalah memanggil seseorang dengan nama yang tidak disukai, mengusik seseorang dan menakutkan orang lain. Tingkah laku buli secara verbal berlaku apabila individu mengeluarkan kata-kata kesat dan menyakitkan hati serta mengakibatkan emosi mangsa terganggu. Walaupun tingkah laku buli ini tidak memberikan kekerasan namun ia akan memberi kesan kepada emosi seseorang.

2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN



Tidak dapat dinafikan lagi bahawa tingkah laku buli merupakan sebahagian daripada tingkah laku agresif. Kejadian buli ini boleh difahami melalui konteks keagresifan (Olweus, 1978). Agresif bermasuk tingkah laku yang dirangsang oleh perasaan marah, tingkah laku keganasan iaitu sifat bersaing dan dilepaskan kepada orang lain atau objek atau kepada diri sendiri dan boleh dianggap dilakukan bagi tujuan membahayakan, mencederakan, menganggu atau memusnahkan. Pengkaji memilih Teori Pembelajaran Sosial untuk menjelaskan tentang tingkah laku buli terhadap pembuli dan mangsa buli. Teori ini dipelopori oleh Bandura. Teori ini digunakan bagi menjelaskan peristiwa buli yang terjadi dalam kalangan pelajar sekolah. Hal ini adalah kerana secara dasarnya tingkah laku buli ini adalah satu bentuk interaksi sosial (Verlinden et al., 2000).

Kejadian buli ini banyak terjadi disebabkan hasil daripada peniruan dan pemerhatian daripada tingkah laku orang lain. Pada awalnya pelajar akan memerhati perlakuan buli dan kemudian terlibat sebagai pembuli. Menurut Olweus (1978), mengapa individu yang memerhati kejadian buli akan menjadi pembuli ialah disebabkan faktor peniruan. Dalam masa yang sama, mangsa buli juga akan menjadi pembuli hasil daripada peniruan. Mangsa buli akan melepaskan kemarahan mereka kepada orang lain iaitu individu yang lebih lemah dan melakukan sama seperti apa yang mereka alami ketika menjadi mangsa buli.

Menurut Bandura (1973) tingkah laku buli ini adalah satu perbuatan yang dipelajari dan bukannya satu perbuatan yang wujud secara semula jadi. Bandura menjelaskan bahawa individu akan mempelajari tingkah laku agresif melalui pemerhatian ke atas orang lain atau berdasarkan pengalaman yang mereka alami tanpa kewujudan peneguhan secara langsung. Tambahnya lagi, antara ciri utama sesuatu tingkah laku itu dipelajari adalah mengenai ciri persamaan yang wujud dalam diri pelaku dengan orang yang ditiru. Dalam hal ini, mereka lebih mudah dipengaruhi seseorang yang penampilannya sama seperti mereka berbanding dengan orang yang mempunyai penampilan yang berbeza. Selain itu, dalam kajian yang dilakukan oleh Bandura (1973) juga mendapati bahawa kadar peniruan berkurang sekiranya ciri persamaan antara remaja dan model kurang. Dalam masa yang sama, faktor usia dan jantina model juga merupakan peranan yang penting dalam peniruan tingkah laku. Bandura (1973) menjelaskan bahawa seseorang individu



lebih cenderung untuk meniru model yang mempunyai sama jantina. Bagi aspek umur juga mempengaruhi seseorang untuk meniru sebagai contoh remaja mudah terpengaruh dengan rakan sebayanya. Menurut Mahmood Nazar (2001), tingkah laku agresif dipelajari oleh persekitaran sosial seperti rakan, keluarga dan media massa.

2.1 Objektif Kajian

Objektif bagi kajian ini ialah untuk menentukan:

1. Mengenalpasti buli lisan dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.
2. Mengenalpasti buli sosial dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.
3. Mengenalpasti buli fizikal dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

2.2 Persoalan Kajian

Objektif kajian ini adalah tertumpu kepada jenis-jenis buli yang berlaku dalam kalangan pelajar. Bagi mencapai objektif ini, persoalan kajian seperti di bawah telah dibentuk:

1. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tingkah laku buli lisan dalam kalangan pelajar mengikut semester?
2. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tingkah laku buli sosial dalam kalangan pelajar mengikut semester?
3. Adakah terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan tingkah laku buli fizikal dalam kalangan pelajar mengikut semester?

2.3 Hipotesis Kajian

Hipotesis yang terhasil daripada persoalan kajian ialah:



H₁: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman terhadap semester pengajian pelajar.

H₂: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli sosial di dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman terhadap semester pengajian pelajar.

H₃: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli lisan di dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman terhadap semester pengajian pelajar.

3.0 METODOLOGI

3.1 Rekabentuk, populasi, responden dan instrumentasi kajian.

Reka bentuk kajian tingkah laku buli dalam kalangan pelajar Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian dijalankan secara kuantitatif dengan menggunakan kaedah tinjauan (*survey*). Kajian ini menggunakan set soal selidik yang mengandungi demografi dan alat ujian *Adolescent Peer Relations Instrument (APRI)*. Kajian ini dilakukan ke atas pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman yang terletak di Negeri Kedah. Institusi ini terletak di kawasan Parlimen Kubang Pasu. Populasi pelajar Sijil Sistem Komputer dan Rangkaian (SSK) di Kolej Komuniti Bandar Darulaman (KKBDA) adalah seramai 111 orang. Bagi teknik sampel pula menggunakan teknik persampelan rawak berpusat. Teknik ini dipilih kerana ia mudah dan menjimatkan masa. Daripada keseluruhan 111 orang pelajar, sampel yang diambil hanya 89 orang (berdasarkan Krejcie dan Morgan) dengan mengedarkan borang soal selidik secara atas talian.

Berdasarkan Tuckmen (1978), cara paling berkesan untuk mendapatkan maklumat adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Oleh itu, kajian ini menggunakan borang soal selidik secara atas talian atau *google form*. Ia digunakan untuk mendapatkan data kuantitatif. *Adolescent Peer Relations Instrument (APRI)* digunakan dalam kajian ini untuk menilai penglibatan buli sebagai mangsa dan pelaku. Alat ujian ini diperkenalkan oleh Parada (2000). Inventori ini mempunyai 36 item dengan empat skala iaitu sangat tidak setuju, tidak setuju, setuju dan sangat



setuju. Soalan ini mempunyai dua bahagian iaitu Bahagian A yang melibatkan pembuli dan Bahagian B adalah tentang mangsa buli. Setiap bahagian dalam soal selidik ini mempunyai 18 soalan. Item tersebut pula terbahagi kepada 3 subskala iaitu subskala lisan, subskala sosial dan subskala fizikal. Walaubagaimanapun, pengkaji hanya akan menggunakan soal selidik Bahagian B dalam kajian ini. Bagi subskala buli lisan mengandungi item 1, 4, 7, 11, 13 dan 18. Item dalam subskala buli sosial pula adalah pada item 3, 6, 9, 12, 14 dan 17 manakala bagi buli fizikal adalah pada item 2, 5, 8, 10, 15 dan 16.



4.0 KEPUTUSAN KAJIAN

4.1 Taburan responden mengikut semester pengajian

Jadual 1: Semester pengajian responden

	Semester	Kekerapan	Peratusan
Valid	1	15	16.9
	2	26	29.2
	3	22	24.7
	4	26	29.2
	Jumlah	89	100.0

Responden yang mengambil bahagian dalam kajian didominasikan oleh pelajar semester 2 dan semester 4 iaitu seramai 26 orang dengan peratusan sebanyak 29.2%. Seramai 22 orang daripada pelajar semester 3 mendapat peratusan sebanyak 24.7% manakala jumlah pelajar yang paling sedikit terlibat adalah daripada semester 1 iaitu seramai 15 orang sahaja dengan peratusan 16.9%.

4.2 Taburan responden mengikut jantina.

Jadual 2: Taburan responden mengikut jantina

		Kekerapan	Peratusan
Valid	Lelaki	49	55.1
	Perempuan	40	44.9
		100.0	100.0

Berdasarkan jadual diatas menunjukkan responden yang mengambil bahagian dalam kajian didominasikan oleh pelajar lelaki iaitu seramai 49 orang dengan peratusan sebanyak 55.1%. Manakala pelajar perempuan adalah seramai 40 orang sahaja yang terlibat dalam kajian ini dengan peratusan 44.9%. Memandangkan pengkaji memfokuskan pelajar daripada kelas komputer, dapat



disimpulkan bahawa lebih ramai pelajar lelaki yang lebih meminati bidang kerja yang berbentuk *hands-on*.

4.3 Mengenalpasti buli lisan dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Jadual 3: Hasil dapatan bagi buli lisan

Buli Lisan	N	Min	Sisihan Piawai
1	15	8.5	3.8
2	26	8.2	2.6
3	22	9.7	7.3
4	26	7.8	3.0
Jumlah	89	8.5	4.5

Jadual 3 di atas menunjukkan dapatan bagi buli lisan. Skala min paling tinggi didominasikan oleh pelajar semester 3 iaitu dengan 9.7. Skala min paling rendah pula adalah 7.8 iaitu daripada pelajar semester 4. Skala min bagi pelajar semester 1 dan semester 2 adalah 8.2 dan 8.5.

Buli lisan yang rendah adalah daripada kalangan pelajar semester 4 dan dapat disimpulkan bahawa pelajar-pelajar ini sudah mempunyai hubungan yang baik dan lebih serasi dengan rakan-rakan mereka berbanding semester 1, semester 2 dan semester 3. Jadi tingkah laku buli dalam kalangan semester 4 adalah yang paling rendah. Dalam masa yang sama, pelajar daripada semester 4 adalah pelajar yang sedang melakukan latihan industri dan ini menjadi salah satu faktor dapatan hasil bagi buli lisan adalah rendah.

Bagi buli lisan yang paling tinggi adalah daripada semester 3. Pengkaji mendapati bahawa pelajar semester 3 adalah pelajar yang paling tua berada di kampus. Disebabkan terdapat jurang antara pelajar semester lain, pelajar semester ini cenderung untuk membuli rakan-rakan mereka kerana merasakan diri mereka lebih *superior*.



4.4 Mengenalpasti buli sosial dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Jadual 4: Hasil dapatan bagi buli sosial

Buli Sosial	N	Min	Sisihan Piawai
1	1	7.9	3.7
2	26	7.9	3.2
3	22	9.7	6.6
4	26	6.7	1.1
Jumlah	89	7.8	4.1

Jadual 4 di atas menunjukkan dapatan bagi buli sosial. Skala min paling tinggi didominasikan oleh pelajar semester 3 iaitu dengan 9.7. Skala min paling rendah pula adalah 6.7 iaitu daripada pelajar semester 4. Skala min bagi pelajar semester 1 dan semester 2 adalah sama iaitu 7.9.

Tingkah laku buli sosial yang terendah adalah daripada semester 4 iaitu skala min 6.7 dengan sisihan piawai 1.1. Pelajar semester 4 kebanyakannya sudah berusia 21 tahun dan ke atas. Di usia ini, pelajar sudah mula untuk berfikir tentang masa depan dan perkara yang dapat memberi manfaat kepada mereka. Jadi tingkah laku buli sosial dalam kalangan pelajar semester 4 adalah paling rendah.

Pelajar daripada semester 3 mendapat skala min 9.7 dan sisihan piawai 6.6. Disebabkan mereka adalah paling tua berada di kampus, mereka berasa bahawa tiada sesiapa akan berani untuk menegur atau melawan golongan pembuli. Jadi tingkah laku buli sosial menjadi tinggi bagi pelajar semester 3. Berkaitan dengan pengalaman lampau, pelajar semester 3 mungkin pernah dibuli oleh rakan yang lebih tua jadi kitaran tersebut akan berulang sekiranya pelajar memasuki semester 3.



4.5 Mengenalpasti buli fizikal dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Jadual 5: Hasil dapatan bagi buli fizikal

Buli Fizikal	N	Min	Sisihan Piawai
1	15	7.5	3.2
2	26	7.2	2.2
3	22	7.6	5.0
4	26	6.0	0.2
Jumlah	89	7.0	3.0

Jadual 5 di atas menunjukkan dapatan bagi buli lisan. Skala min paling tinggi didominasikan oleh pelajar semester 3 iaitu dengan 9.7. Skala yang tinggi ini boleh dikaitkan dengan id. Id ibarat seperti kanak-kanak kecil di dalam diri kita yang hanya memikirkan perkara yang membuat kita merasa seronok. Terkadang, id ini melakukan hal-hal yang tidak baik atau tidak masuk akal hanya untuk membuat kita bahagia. Contohnya, jika seseorang membuat kita sedih atau kecewa, ia mungkin membuat kita ingin balas perbuatannya, walaupun itu bukan hal yang benar untuk dilakukan. Skala min paling rendah pula adalah 6.0 iaitu daripada pelajar semester 4. Hal ini kerana pelajar-pelajar jarang bertemu dan masing-masing sedang menjalani latihan industri. Oleh itu, tiada pertemuan secara fizikal dan kurang berlakunya buli fizikal dalam kalangan semester 4.

4.6 Analisis berdasarkan tingkah laku buli lisan dalam kalangan pelajar mengikut semester

Jadual 6: Analisis bagi buli lisan mengikut semester pengajian pelajar

ANOVA

Buli Lisan		df	F	Sig
	Di antara kumpulan	3	.721	.542
	Di dalam kumpulan	85		
	Jumlah	88		



Bagi memenuhi objektif kajian, ujian ANOVA sehala telah dilakukan seperti Jadual 6 di atas. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai $\text{ANOVA} = 0.721$, $p=0.542$, $p>0.05$ bagi pemboleh ubah tingkah laku buli jenis lisan berdasarkan pengajian semester. Oleh itu, keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jenis tingkah laku buli lisan dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan rangkaian berdasarkan semester pengajian responden.

Pengkaji mendapati bahawa semester pengajian pelajar tidak mempunyai hubungkait dengan tingkah laku buli lisan yang berlaku dalam kalangan pelajar. Buli lisan yang sering dilakukan mampu memberi kesan kepada mangsa buli. Walaupun tiada kecederaan luaran berlaku, namun apabila kata-kata mengguris dan menyakitkan hati mangsa buli, ia mampu memberi tekanan yang besar dan trauma kepada mangsa.

4.7 Analisis berdasarkan tingkah laku buli sosial dalam kalangan pelajar mengikut semester

Jadual 7: Analisis bagi buli sosial mengikut semester pengajian pelajar

		ANOVA		
		df	F	Sig
Buli sosial	Di antara kumpulan	3	1.317	.274
	Di dalam kumpulan	85		
	Jumlah	88		

Jadual 7 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian bagi ujian ANOVA sehala yang telah dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai $\text{ANOVA} = 1.317$, $p=0.274$, $p>0.05$ bagi pemboleh ubah tingkah laku buli jenis sosial berdasarkan semester pengajian. Oleh itu, keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jenis tingkah laku buli sosial dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan rangkaian.



4.8 Analisis berdasarkan tingkah laku buli fizikal dalam kalangan pelajar mengikut semester

Jadual 8: Analisis bagi buli fizikal mengikut semester pengajian pelajar

ANOVA

		df	F	Sig
Buli fizikal	Di antara kumpulan	3	1.291	.283
	Di dalam kumpulan	85		
	Jumlah	88		

Jadual 8 di atas menunjukkan hasil dapatan kajian bagi ujian ANOVA sehala yang telah dilakukan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa nilai $ANOVA = 1.291$, $p=0.283$, $p>0.05$ bagi pemboleh ubah tingkah laku buli jenis fizikal berdasarkan semester pengajian. Oleh itu, keputusan ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan jenis tingkah laku buli fizikal dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan rangkaian.

5.0 PERBINCANGAN

5.1 Perbincangan tentang demografi responden.

Responden yang terlibat dalam kajian ini merupakan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian dari Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Majoriti responden yang terlibat dalam kajian ini adalah lelaki iaitu seramai 49 orang (55.1%) dan diikuti responden perempuan iaitu 40 orang (44.9%). Pelajar dari semester 2 dan 4 mendominasi kajian ini seramai 26 orang dengan peratusan 29.2% manakala bagi pelajar semester 1 adalah seramai 15 orang dengan peratusan 16.9% dan pelajar semester 3 seramai 22 orang dengan peratusan 24.7%.

Dapat disimpulkan lebih ramai pelajar lelaki yang berminat dengan bidang komputer di Kolej Komuniti Bandar Darulaman berbanding perempuan. Namun begitu bilangan kemasukan



pelajar semakin berkurang dan ia dapat dibuktikan dengan bilangan pelajar semester 1 iaitu hanya seramai 15 orang sahaja berbanding pelajar semester 4 iaitu 26 orang.

5.2 Perbincangan jenis tingkah laku buli yang berlaku dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Keputusan kajian mendapati bahawa terdapat tiga jenis tingkah laku buli yang dapat dikenalpasti di Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Skor min bagi tingkah laku buli lisan lebih tinggi berbanding tingkah laku buli fizikal dan tingkah laku buli sosial. Tingkah laku buli lisan mencatat min skor yang tertinggi iaitu 8.5 dan sisihan piaawai 4.5. Perbezaan antara jenis tingkah laku buli fizikal dan sosial adalah rendah menunjukkan bahawa kekerapan jenis tingkah laku buli ini adalah hampir sama. Tingkah laku buli fizikal merupakan tingkah laku buli yang mempunyai kekerapan yang rendah berbanding tingkah laku buli sosial iaitu dengan skor min 7.0 dan sisihan piaawai 3.0 manakala bagi skala min tingkah laku bagi buli sosial pula adalah 7.8 dengan sisihan piaawai 4.1.

Kajian ini disokong oleh kajian yang telah dilakukan oleh Abdul Latif (2005) yang menunjukkan bahawa tingkah laku lisan merupakan tingkah laku buli yang sering berlaku di sekolah dalam kalangan pelajar sekolah daerah Batu Pahat, Johor.

Kajian yang dilakukan oleh Norshidah dan Khalim (2014) terhadap 20 orang pelajar yang berusia 16 tahun dan 17 tahun adalah untuk mengenalpasti faktor buli yang berlaku dalam kalangan sekolah dan kajian ini juga dilakukan untuk mendapatkan perincian daripada isu buli yang berlaku. Kajian ini dilaksanakan secara kaedah temubual. Hasil dapatan kajian ini menunjukkan bahawa buli lisan merupakan buli yang paling kerap berlaku dalam kalangan sekolah dan ia berterusan menjadi buli yang melibatkan senjata seperti kayu dan pisau. Kajian ini disokong oleh pernyataan Norshidah dan Khalim (2014) yang mengatakan buli lisan adalah ibarat satu penghinaan dan buli ini sering berlaku di dalam kalangan sekolah sehingga mendorong kepada buli fizikal. Walaupun buli lisan ini dilakukan secara tidak langsung dan tidak menggunakan



kekerasan namun ia mampu memberi kesan terhadap emosi mangsa dengan kata-kata yang menguris perasaan yang berbentuk cacian, hinaan dan lain-lain perkataan.

5.3 Perbincangan dapatan kajian perbezaan tingkah laku buli lisan, sosial dan fizikal dengan semester pengajian pelajar.

Bagi melihat perbezaan antara tingkah laku buli lisan, sosial dan fizikal di kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman, pengkaji telah melakukan pengujian hipotesis menggunakan kaedah ujian ANOVA. Terdapat tiga hipotesis yang digunakan bagi tujuan ini dan setelah dianalisis hasilnya adalah seperti berikut:

- 5.3.1 Untuk mengkaji perbezaan antara jenis tingkah laku buli lisan dan semester pengajian pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Hipotesis 1: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli lisan di kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman terhadap semester pengajian pelajar iaitu $ANOVA = 0.721$, nilai $p = 0.542$, $p > 0.05$. Ini bermakna hipotesis 1 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian ANOVA yang dilakukan.

- 5.3.2 Untuk mengkaji perbezaan antara jenis tingkah laku buli sosial dan semester pengajian pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Hipotesis 2: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli sosial di kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli sosial di dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman terhadap semester pengajian pelajar iaitu $ANOVA = 1.317$, nilai $p = 0.274$, $p > 0.05$. Ini bermakna hipotesis 2 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian ANOVA yang dilakukan.



- 5.3.3 Untuk mengkaji perbezaan antara jenis tingkah laku buli fizikal dan semester pengajian pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Hipotesis 3: Tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di kalangan pelajar. Dapatan kajian menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara tingkah laku buli fizikal di dalam kalangan pelajar Kolej Komuniti Bandar Darulaman terhadap semester pengajian pelajar iaitu ANOVA = 1.291, p=0.283, p>0.05. Ini bermakna hipotesis 3 diterima kerana tidak terdapat perbezaan yang signifikan berdasarkan ujian ANOVA yang dilakukan.

Berdasarkan ketiga-tiga hipotesis ini, dapat disimpulkan bahawa sememangnya tidak terdapat hubungan di antara semester pengajian pelajar dan buli yang berlaku di Kolej Komuniti Bandar Darulaman.

Kesan daripada tingkah laku buli ini akan memberi perubahan yang sangat drastik kepada kehidupan mangsa buli dan merupakan isu yang sering berlaku dalam kalagan remaja. Tindakan ini akan membuatkan mangsa buli sentiasa mempunyai pemikiran yang negatif kepada diri mereka dan tidak lagi memikirkan perkara yang positif terhadap persekitaran dan sekeliling mereka sehingga mencipta satu perasaan lemah, tidak berdaya dan letih. Kesannya pelajar mengalami kemurungan, tidak aktif dan pergerakan yang perlahan, mengalami kesukaran untuk tidur, hilang selera makan dan berat badan yang susut serta sentiasa menyendiri dan tidak bergaul dengan orang lain.

6.0 KESIMPULAN

Berdasarkan hasil dapatan kajian yang diperoleh, disimpulkan bahawa semester pengajian pelajar tidak mempunyai hubungkait dengan buli lisan, buli fizikal dan buli sosial dalam kalangan pelajar Program Sijil Komputer dan Rangkaian di Kolej Komuniti Bandar Darulaman. Tingkah laku buli lisan adalah tingkah laku yang kerap berlaku di dalam kalangan pelajar. Dipanggil dengan panggilan nama yang tidak disukai merekodkan tingkah laku lisan yang paling tinggi dalam



kalangan pelajar. Oleh itu bagi mangsa buli, ketakutan dan kesakitan yang ditanggung semasa buli dan diancam akan dibuli semula pada semester hadapan akan menyebabkan mangsa buli akan menghadapi masalah dari segi nilai diri, psikologi, akademik dan perhubungan dengan orang lain. Justeru itu, pihak pentadbiran kolej, penasihat akademik dan ibubapa perlu mengenal pasti punca-punca tingkah laku buli terlebih dahulu, kemudian rancangan pencegahan perlu dilaksanakan. Kaunselor contohnya perlu mengadakan lebih banyak aktiviti berbentuk motivasi untuk meningkatkan keyakinan dan motivasi dalam diri para pelajar. Program Rakan Sebaya boleh juga dilaksanakan bersama Pembimbing Rakan Sebaya (PRISS) yang ada di kolej. Dapatan kajian ini dapat digunakan sebagai garis panduan serta asas kepada pembentukan polisi bagi mencegah tingkah laku buli di institusi seperti polisi antibuli. Dalam hal ini semua pihak iaitu masyarakat, ibubapa dan pihak pengurusan kolej perlu bekerjasama dalam menangani isu ini agar kelestarian pendidikan bagi pelajar akan terus terjaga dalam suasana yang kondusif.

RUJUKAN

- Azizi Hj Yahaya & Abdul Latif Ahmad. (2008). *Perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah*, Dlm Yusof Boon & Jamauddin Ramli (Pnyt). *Remaja dan tingkah laku agresif*, 1:1-34. Skudai: Penerbit Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia.
- Olweus, D. (1993). *Bullying at school: What we know and what we can do*. Malden, MA: Blackwell Publishing, 140 pp.,
- Olweus, D. (1978). *Aggression in Schools: Bullies and whipping Boys*. Hemisphere, Washington DC.
- Verlinden S, Hersen M, Thomas J. (2000). *Risk factors in school shootings*. Clin Psychol Rev,3-56 pp.
- Bandura, A. (1973). *Aggression: A social learning analysis*. Englewood Cliffs: Prentice Hall.
- Mahmood Nazar Mohamed (2001). *Pengantar Psikologi: Satu Pengenalan Asas Kepada Jiwa dan Tingkah Laku Manusia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul-Latif, A. (2005). *Persepsi guru dan pelajar terhadap perlakuan buli di kalangan pelajar sekolah menengah daerah Batu Pahat* (Unpublished Master's thesis). Faculty of Education, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.



Khalim, Z., Johari, T., Fazilah, I., Mansor, M. N., & Norshidah, M.S. (2014). Racial behaviour among secondary school students. In A. Gunstone (Ed.), *Developing sustainable education in regional Australia* (pp. 99-116). Monash University Publishing: Victoria, Australia.

Tuckman, B.C. (1978). *Conducting Educational Research*. New York: Harcourt Brace Jovanovich